



Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pjcitycouncil | pjkitaj | smartpj

PENAUNG
Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar

PENASIHAT
Johary Bin Anuar
Haniza Binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG
Abdul Hakim Bin Khairuddin

WARTAWAN
Ahmad Iskandar Bin Muhamad Mukhtar
Muhammed Azmi Bin Yusoff
Hasbullah Bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN
Nur Mazliyana Edurar Binti Mazelan
Mohammad Shah Bin Badlishah

JURU GAMBAR
Rusdi Bin Mohammed Halik
Intan Khairana Binti Md. Zali
Salimey Bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK
Shamsul Bahrin Bin Abdul Mutalib
Badrul Hisham Bin A Bakar
Ihfaznur Ashikin Binti Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Tel : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206
Fax : 03-7958 2695 | media@mbpj.gov.my

PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar
Datuk Bandar
Tel : 03-7956 3544 samb. 325

Johary Bin Anuar
Timbalan Datuk Bandar
Tel : 03-7956 3544 samb. 323

TPr. Hjh. Sharifah Marhaini Binti Syed Ali
Timbalan Setiausaha / Pengarah,
Jabatan Perancangan
Pembangunan
Tel : 03-7955 2562

Mohd Rosnani Bin Hj. Hamid
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Tel : 03-7955 0819

Hjh. Nik Nazli Binti Nik Abdullah
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan
Tel : 03-7955 2354

Ir. Ismail Bin Shafie
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan
Tel : 03-7958 7993

Datin Sr. Amreeta Kaur A/p Pretham Singh
Pengarah,
Jabatan Penilaian Dan
Pengurusan Harta
Tel : 03-7955 2428

Aznan Bin Hj. Hassan
Pengarah,
Jabatan Pembangunan
Kemasyarakatan
Tel : 03-7960 3293

Hamidah binti Hj. Ariffin
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan
Tel : 03-7956 3544 samb. 252

Zuraidah Binti Sainan
Pengarah,
Jabatan Landskap
Tel : 03-7804 8906

Mohd Fauzi Bin Maarop
Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan
Tel : 03-7958 8081

Hjh. Sharinaz Binti Hj. Samsudin
Pengarah,
Jabatan Pelesenan
Tel : 03-7960 4513

Mahzura Binti Mohd Amin
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran
Tel : 03-7957 5240

Lee Lih Shyan
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
Dan Pembersihan Awam
Tel : 03-7954 1534

Samsul Bahari Bin Nonchi
Pengarah,
Unit Teknologi Maklumat
Tel : 03-7955 2553

Haniza Binti Abdul Hamid
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 03-7958 1764

Hjh. Norlida Binti Mohd Isa
Pengarah,
Unit Audit Dalam Dan Integriti
Tel : 03-7954 0130

Norzita Binti Mokhtar
Pengarah,
Unit Perundangan
Tel : 03-7957 8042

Tee Szu Fong
Pengarah,
Unit Pusat Setempat (OSC)
Tel : 03-7954 1725

Sr. Jayanthi A/p Kupusamy
Pengarah,
Unit Pesuruhjaya Bangunan
(COB)
Tel : 03-7960 2055

**Pejabat Cawangan
Petaling Jaya Utara**
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,
Prestij Kota Damansara,
47310 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /
03-6143 5942

SMART VALUATION

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

Smart Valuation Map (SVM) merupakan satu inovasi terkini daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dalam menambah baik proses-proses kerja penilaian bagi tujuan cukai taksiran yang mana ia merupakan skop kerja utama bagi Jabatan.

Menggabungkan data pegangan Cukai Taksiran sebagai asas sistem dan dilapisi dengan Pelan Guna Tanah Majlis, Lot Kadaster dari JUPEM dan Agensi yang berkaitan serta Teknologi "Aerial Photo 3D" dan yang terkini ditapak, Jabatan berpendapat sistem dan aplikasi ini akan dapat memudahkan proses kerja Jabatan secara khususnya dan membantu proses pentadbiran Majlis secara amnya.

Justeru itu, di antara kelebihan dan kebaikan yang diperolehi oleh Majlis melalui *Smart*

- ▶ Membantu Majlis untuk mengenal pasti lot-lot atau pegangan harta yang telah dan belum dinilai.
- ▶ Membantu Majlis untuk mengenal pasti pegangan harta yang melakukan tambahan keluasan (*renovation & extension*).
- ▶ Membantu Majlis untuk mengesan pencerobohan tanah/rizab awam dalam kawasan Majlis.
- ▶ Membantu Majlis melihat potensi pembangunan sesuatu kawasan secara visual.
- ▶ Memberikan Majlis analisa serta statistik berkenaan pasaran hartanah di kawasan Petaling Jaya Utara.

Proses penyediaan *Smart Valuation MAP* melibatkan dua fasa yang mana bagi fasa pertama ianya melibatkan pegangan harta di kawasan Petaling Jaya Utara yang berkeluasan 54.9 kilometer persegi serta sejumlah 125,000 data pegangan harta. Tempoh pelaksanaan projek bagi fasa pertama adalah setahun dan akan berakhir pada Julai 2019.



Smart Valuation Map memudahkan Majlis bagi mengenalpasti lot-lot atau pegangan harta yang telah dan belum di nilai.

PETALING JAYA BANDAR PEMBELAJARAN UNESCO 2019

PETALING JAYA

 ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
 abdulhakim@mbpj.gov.my


Petaling Jaya telah diiktiraf sebagai salah satu daripada 10 pemenang Anugerah Bandar Pembelajaran oleh Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi tahun 2019 bersama-sama sembilan bandar raya lain dari seluruh dunia.

Anugerah dan pengiktirafan ini adalah susulan pencapaian dan kemajuan bandar raya ini dalam sektor pendidikan. Selain bandar raya Petaling Jaya, anugerah ini turut diberikan kepada Aswan (Mesir), Chengdu (China), Heraklion (Greece), Ibadan (Nigeria), Medellin (Columbia), Melitopol (Ukraine), Santiago (Mexico), Seodaemun (Korea Selatan) dan Sonderborg (Denmark).

Petaling Jaya berkeluasan 97.2 km persegi dengan penduduk seramai 732,700 menyediakan sebanyak 101 sekolah rendah dan menengah, 182 buah prasekolah dan 45 buah kolej dan universiti. Di Petaling Jaya juga terdapat 6 buah perpustakaan komuniti yang dikendalikan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Menurut kenyataan yang disiarkan oleh badan antarabangsa itu pada 31 Januari lalu, UNESCO menyatakan bahawa anugerah tersebut akan disampaikan di majlis Persidangan Antarabangsa Bandar Pembelajaran di Medellin, Colombia pada Oktober 2019. Berdasarkan kenyataan itu juga, kejayaan Petaling Jaya berikutan pencapaian cemerlang dan prestasi ditempa bandar raya itu dalam sektor pendidikan.

Meskipun terdapat titik permulaan yang sangat berbeza dan pelbagai konteks ekonomi, politik, sosial dan alam sekitar, semua pemenang Anugerah Bandar Pembelajaran UNESCO 2019 telah memulakan dasar dan program khusus inovatif dan sasaran yang memberikan peluang yang baik untuk komuniti mereka untuk mendapat manfaat dalam pembelajaran sepanjang hayat, menurut UNESCO dalam kenyataan yang disiarkan dalam laman webnya.

Pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi menyemarakkan lagi usaha pembelajaran berterusan bagi penduduk Petaling Jaya. Selaras dengan usaha menjadikan bandar raya Petaling Jaya sebuah bandar peneraju, MBPJ meneruskan usaha untuk memperkasakan sumber yang ada termasuk melibatkan kerjasama rakan strategik bagi memastikan penduduk Petaling Jaya mendapatkan akses pembelajaran meliputi pelbagai lapisan masyarakat.

MBPJ telah mengenal pasti 8 kategori utama sebagai fokus dalam Program Pembelajaran ini iaitu Kebudayaan & Kesenian (Arts & Culture), Pelajaran (Education), Keusahawanan (Entrepreneurship), Kesihatan (Health & Wellness), Alam Sekitar (Environment), Kerohanian

(Spirituality), Teknologi (Technology), Keselamatan (Safety) melibatkan kumpulan sasaran yang terdiri daripada kanak-kanak, dewasa, pelajar sekolah, pekerja, peniaga, wanita, golongan kurang berkemampuan dan golongan kurang upaya.

Pelbagai inisiatif yang telah disediakan untuk dimanfaatkan oleh penduduk Petaling Jaya antaranya ialah Projek Karung Kitar, Program Pembelajaran kanak-kanak dengan Kidzania, Program Pembelajaran ICT bersama komuniti, Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) di sekolah, Jom Sihat, Garis Panduan Trak Makanan, *Smart PJ Waste Solution Lab*, Program Pendidikan Bukit Gasing, Pertandingan Bercerita, Pertukaran Pelajar Antarabangsa dengan bandar raya persahabatan, *PJ Fair*, *i-play Park*, bengkel usahawan wanita dan lain-lain lagi.

Inisiatif Majlis dalam menyediakan *PJ City Bus* secara percuma dengan kemudahan untuk golongan orang kurang upaya berserta perkhidmatan *wifi*. Beroperasi seawal 6.00 pagi hingga 9.00 malam merangkumi Petaling Jaya Utara dan Petaling Jaya Selatan. MBPJ juga telah menyediakan perkhidmatan Bas Sekolah percuma yang meliputi 25 buah sekolah dan memberi tumpuan kepada kawasan golongan kurang berkemampuan.

Dalam menjayakan matlamat Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai bandar pembelajaran sepanjang hayat yang diiktiraf UNESCO, Majlis telah menjalin persefahaman dan kerjasama strategik dengan dua universiti di Petaling Jaya iaitu Kolej Saito dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) dengan memfokuskan pendidikan secara formal dan peluang biasiswa kepada penduduk Petaling Jaya khasnya dan rakyat Malaysia umumnya yang melanjutkan pelajaran di universiti ini.

Penglibatan MBPJ bermula pada 18 – 20 September 2017 MBPJ telah mendapat jemputan dari UNESCO untuk menghadiri "*International Conference on Learning Cities*" di Cork City Hall, Ireland. Seminar tersebut memberi pelbagai pendedahan tentang pembangunan mampan sesebuah bandar dengan mengambil kira kepentingan penerapan pembelajaran dan pengetahuan kepada warganya bermula dari kanak-kanak sehingga kepada warga emas.

Susulan dari itu, Majlis telah menjadi ahli UNESCO *Global Network of Learning Cities* (GNLC) pada 7 Jun 2018. Keahlian ini bertujuan menjadi sebahagian daripada rangkaian di dalam bandar raya pembelajaran yang lain serta dapat memupuk hubungan, perkongsian idea, membina kapasiti dan membangunkan instrumen untuk menggalakkan dan mengiktiraf kemajuan dalam membina bandar pembelajaran.

GERAN KOMUNITI

UNTUK PETALING JAYA MAMPAN

PETALING JAYA

NUR MAZLIYANA EDURA MAZELAN
edura@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melancarkan Geran Komuniti Untuk Petaling Jaya Mampaan Tahun 2019. Geran itu juga dikenali sebagai PJ S.E.E.D (*Social, Environment, T Economy & Development*).

Geran tersebut merupakan inisiatif Majlis untuk menjemput organisasi di peringkat masyarakat seperti (RA/RT/JKKK, JMB/MC, NGO/CSO, Sekolah/IPT dan Jawatankuasa Tempat Ibadat) untuk merancang dan melaksanakan projek/inisiatif yang akan membantu MBPJ meningkatkan prestasi dalam bidang-bidang seperti berikut:

- *Smart PJ*
- Bandar raya Berkarbon Rendah Petaling Jaya
- *Circular City of Petaling Jaya*
- Bandar Selamat
- Bandar Pembelajaran Petaling Jaya
- Bandar Hijau PJ
- Kota Seni PJ
- *Eco-mobility PJ*
- *Cashless Society Of Petaling Jaya*
- Masyarakat Penyayang Petaling Jaya
- A.I (Artificial Intelligence) dan Industri 4.0

Sebagai makluman, bantuan geran sejumlah RM 5,000.00 diperuntukkan secara minimum dan RM 50,000.00 secara maksimum akan diberikan bergantung kepada projek atau program yang ingin dilaksanakan. Projek-projek yang boleh dilaksanakan adalah *Networking* (Jaringan), *Service* (Perkhidmatan), CEPA (Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam), Kajian dan Infrastruktur.



Inisiatif yang diusahakan ini mendapat sambutan daripada masyarakat setempat agar objektif yang dirancang dapat dilaksanakan dan memberi manfaat kepada semua pihak.

Majlis berhak meluluskan amaun geran yang diberikan berdasarkan kepada penilaian teknikal dan juga keperluan semasa. Keutamaan akan diberikan kepada projek yang berpotensi menghasilkan impak positif dan mematuhi perkara-perkara seperti berikut:-

- Kebolehcapaian kejayaan yang ditetapkan.
- Mengurangkan risiko pencemaran ke atas alam sekitar dan perbandaran.
- Menjimatkan kos perbelanjaan Majlis dalam pengurusan dan pembangunan bandar.
- Mengurangkan penjana sisa pepejal dan impak pencemaran ataupun karbon dioksida ataupun kedua-duanya.
- Memperolehi impak positif dalam jangka masa panjang ke atas pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar.
- Projek / inisiatif yang memudahcarakan pencapaian visi MBPJ ke arah *Smart Selangor, PJ Sustainability 2030, New Urban Agenda, Sustainable Development Goals, circular economy and PJ City Climate Action Plan*.

Majlis berharap inisiatif yang diusahakan ini mendapat sambutan daripada masyarakat setempat agar objektif yang dirancang dapat dilaksanakan dan memberi manfaat kepada semua pihak.



Dato' Azizi bin Mohd Zain bersama-sama Johary bin Anuar, bergambar bersama-sama wakil penduduk dalam menjayakan Majlis Pelancaran Geran Komuniti.

PERKHIDMATAN TAMBAHAN YANG DISEDIAKAN

DI PEJABAT CAWANGAN PETALING JAYA UTARA

MBPJNO. 17 & 19, JALAN PEKAKA 8/1D,
PJU 5, PRESTIJ KOTA DAMANSARA,
47810 PETALING JAYA
NO. TEL: 03-6143 7564/5942

www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pcitycouncil

KAUNTER KESIHATAN

KOMPAN KESIHATAN

HARI RABU

9:00 Pagi –
4:00 Petang

KAUNTER KEJURUTERAAN

RUNDINGAN BERSAMA
PEGAWAI JABATAN
KEJURUTERAAN

SETIAP HARI

9:00 Pagi –
4:00 Petang

KAUNTER LANDSKAP

RUNDINGAN
BERSAMA
PEGAWAI
JABATAN
LANDSKAP

HARI JUMAAT

9:00 Pagi –
12:00 Tgh



PJ SMART CENTRE

MBPJ MENUJU BANDAR PINTAR

PETALING JAYA

HASBULLAH JUHAIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Selaras usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan *Smart Selangor* yang peduli, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengambil satu langkah terkehadapan dengan memulakan projek *PJ Smart City* dan membangunkan *PJ Smart Centre* ke arah menggalakkan perkembangan *Knowledge Economy* melalui pembangunan Infrastruktur Pintar (Smart Infrastructure), membangun *Smart People* dan mewujudkan Kerajaan Pintar (Smart Government).

PJ Smart Centre merupakan pusat data MBPJ bagi mengurus dan memantau bandar raya Petaling Jaya dengan lebih cekap melalui platform penyimpanan dan pemrosesan data bersepadu dengan menggunakan data-data digital Majlis yang dianalisis secara 'Automated'. Ia juga merupakan lambang ke arah pengurusan data yang sistematik.

Fungsi *PJ Smart Centre* dalam menghasilkan pelaporan bagi setiap papan pemuka (dashboard) yang dibangunkan di *mini smart centre* dalam membantu Majlis membuat sesuatu keputusan dalam perancangan dan pengurusan bandar raya Petaling Jaya. Data yang dihasilkan di *mini smart centre* akan dipaparkan dan dipantau di pusat data *PJ Smart Centre*.

MBPJ telah membangunkan sebanyak tiga *mini smart centre* yang telah mula beroperasi di Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Penguatkuasaan dan Unit Komunikasi Korporat (Seksyen Aduan Awam). Majlis turut bercadang untuk membangunkan 10 *mini smart centre* lagi di lain-lain jabatan pada tahun ini. Bagi memastikan penduduk Petaling Jaya menyokong dan turut terlibat dalam pelaksanaan *PJ Smart City*, Majlis bercadang untuk membangunkan *mini smart centre* di kawasan-kawasan kejiranan sekitar Petaling Jaya.

Pelaksanaan Projek *PJ Smart City* merupakan penyelesaian bersepadu 'Integrated Solution' menggunakan platform Sistem Maklumat Geografi (GIS) sebagai asas pembangunan aplikasi dalam mengurus bandar raya Petaling Jaya secara pintar, mampan dan berdaya tahan. Sebanyak 64 *dashboard* dibangunkan yang merangkumi lima sektor utama perkhidmatan Majlis, iaitu Perancangan dan Pembangunan Bandar (City Planning & Development), Pembangunan Komuniti Bandar (City Community Development), Perniagaan Bandar (City Business), Pengurusan Bandar & Penguatkuasaan (City Management & Enforcement) dan Perkhidmatan Bandar Raya (City Town Services).

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

PELANCARAN APLIKASI MUDAH ALIH 'E-ADUAN MBPJ' DAN MINI SMART CENTRE ADUAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah membangunkan aplikasi saluran aduan menggunakan telefon pintar sebagai satu usaha inovasi memudahkan orang ramai menyalurkan aduan melalui aplikasi mudah alih 'e-Aduan MBPJ'. Aplikasi ini merupakan alternatif kepada saluran aduan sedia ada, namun saluran ini lebih bersifat mesra pelanggan dan holistik.

Setiap aduan boleh disalurkan melalui telefon pintar pengguna dengan menyertakan foto dan lokasi aduan selain diintegrasikan dengan fungsi Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) dan Sistem Maklumat Geografi (GIS), di mana lokasi aduan adalah lebih tepat dan seterusnya memudahkan tindakan susulan diambil pihak MBPJ. Aplikasi ini boleh di dapati secara percuma dengan memuat turun daripada *App Store* untuk sistem operasi iOS dan *Play Store* untuk pengguna sistem operasi Android.

Terdapat empat (4) langkah mudah dalam menggunakan aplikasi ini di mana pengguna hanya perlu memilih atau meletakkan lokasi aduan, memilih jenis aduan, mengisi keterangan aduan atau memuat turun foto aduan dan seterusnya menghantar aduan tersebut kepada MBPJ.

Melalui aplikasi ini, pengguna juga boleh membuat bayaran dan semakan kompaun, semakan cukai taksiran dan lain-lain perkhidmatan dengan menekan pautan perkhidmatan online <https://embpj.mbpj.gov.my> di ruangan bar menu utama.

Pelancaran aplikasi mudah alih 'e-Aduan MBPJ' ini merupakan pendekatan proaktif MBPJ dalam memastikan hubungan antara penduduk Petaling Jaya dan MBPJ dipertingkatkan melalui keadah digital selaras perkembangan teknologi dan peningkatan penggunaan

telefon pintar di Malaysia pada masa kini oleh semua demografik masyarakat.

Di samping itu, inisiatif ini juga selari dengan misi Kerajaan Negeri Selangor ke arah *SMART Selangor* menjelang tahun 2025. Dalam usaha ke arah *SMART Selangor*, MBPJ juga akan memastikan Petaling Jaya diiktiraf sebagai salah sebuah bandar raya pintar atau *smart city* di Malaysia dengan beroperasinya bangunan *SMART PJ* dan *Mini Smart Centre* (MSC).

KINI ADUAN BOLEH DIBUAT DI Hujung JARI ANDA

Aduan
mesra · cepat · tepat

<https://embpj.mbpj.gov.my>

Muat Turun Aplikasi eAduan MBPJ di
Google Play Store dan App Store

www.mbpj.gov.my
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
pjcitycouncil

APLIKASI *Smart PJ* Enforcement



www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 pjcitycouncil | www.pjkita.my | smartpj

MBPJ LANCAR APLIKASI PINTAR 'SMART PJ ENFORCEMENT'

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

Selari dengan arus kemodenan yang berteknologi tinggi, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melancarkan satu aplikasi pintar yang dinamakan sebagai "*Smart PJ Enforcement*". Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui *Play Store* untuk pengguna Sistem Pengoperasian – *Android* sahaja. Manakala, pengguna iOS (Iphone Operating System) masih dalam pembangunan.

Aplikasi ini dapat memberikan satu akses pintar yang menarik kepada *Stakeholders* atau pelanggan Majlis untuk menyemak dan membayar secara elektronik (ePay@MBPJ) bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan dibawah perundangan penguatkuasaan Majlis. Antara bentuk urusan yang disediakan melalui aplikasi ini adalah seperti berikut :

- ▶ Semakan status kesalahan yang dilakukan oleh Orang Kena Kampaun (OKK) seperti tiada lesen perniagaan/tiada permit kelulusan aktiviti/halangan awam/iklan tanpa lesen/kesalahan lalu lintas dan sebagainya.
- ▶ Kemudahan bayaran atas talian dengan menggunakan kad debit/kredit sahaja.
- ▶ Tawaran Khas kadar pengurangan kompaun bagi kesalahan-kesalahan lalu lintas yang dilakukan dalam tempoh 24 Jam sahaja. (RM 10.00).
- ▶ Tawaran Khas Kadar Kompaun yang dijelaskan melalui Apps "*PJ Smart Enforcement*" akan mendapat tambahan diskaun sebanyak 10% daripada kadar

sedia ada bagi lain-lain kesalahan kecuali dibawah Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan dan juga kes dalam tindakan Mahkamah.

- ▶ Capaian maklumat kesalahan dengan lebih mudah, cepat dan berkesan.
- ▶ OKK tidak perlu hadir ke pejabat atau menggunakan agen provokator bagi mendapatkan pengurangan kompaun.
- ▶ Penjimatan masa dan mesra pelanggan.
- ▶ Meningkatkan integriti perkhidmatan awam di peringkat kerajaan ketiga.

Berdasarkan statistik, penggunaan bayaran secara *online* melalui e-Pay@MBPJ telah meningkat sebanyak 46.7% pada tahun 2018 (63,630 transaksi) berbanding 2017 (33,941 transaksi). Majlis menjangkakan penggunaan aplikasi itu akan mendapat sambutan berdasarkan tawaran tambahan diskaun yang diberikan. Tawaran diskaun ini hanyalah untuk kompaun semasa sahaja.

MBPJ merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di Negeri Selangor yang memberikan perkhidmatan secara langsung bagi mendukung matlamat bandar raya Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya pintar atau dikenali sebagai "*PJ Smart City*". Dengan pelancaran aplikasi ini juga, dapat memudahkan masyarakat berurusan dengan Majlis, selaras dengan visi iaitu ke arah menjadi *PJ sustainable 2030*.

OPERASI BERSEPADU BERSAMA JABATAN IMIGRESEN NEGERI

PETALING JAYA

HASBULLAH JUYAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Pada 13 Mac 2019 yang lalu, Majlis telah melakukan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama Jabatan Imigresen Negeri Selangor ke atas aktiviti-aktiviti perniagaan penjaja yang dipelopori oleh warga asing. Hasil daripada tindakan penguatkuasaan di beberapa lokasi seperti Flora Damansara, Bandar Sri Damansara dan Damansara Damai, sejumlah 80 pemeriksaan individu telah dilaksanakan. Jabatan Imigresen telah menahan seramai 27 individu untuk siasatan selanjutnya. Manakala, Majlis telah menjalankan tiga tindakan sitaan ke atas penjaja yang beroperasi tanpa lesen.

Pada tahun 2019 (sehingga 15 Mac 2019), Majlis telah melaksanakan sebanyak 116 tindakan sitaan ke atas aktiviti penjaja tanpa lesen yang dikendalikan oleh warga asing. Operasi-operasi sebegini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan kesemua aktiviti perniagaan mematuhi syarat dan garis panduan ditetapkan oleh pihak Majlis.



KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PETALING JAYA

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

Jumlah kes demam denggi bagi tahun 2019 sehingga minggu epid 12 adalah sejumlah 1,666 kes denggi telah dilaporkan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 306 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2018 dengan 413 kes.

Berikut adalah lokaliti wabak terkini yang dilaporkan. Bilangan kawasan hotspot terkini dilaporkan sehingga 25/3/2019:

- ◆ Flat Impian Baiduri Seksyen 51A
- ◆ Apt Bayu PJU 10, Damansara Damai
- ◆ Apt Saujana 1 PJU 10 (Blok A, B, C, D, E, F, L, M)
- ◆ Flat Pelangi Damansara PJU 6 (Blok A, B, C)
- ◆ Palm Spring Kondo 1 PJU 3 (Blok A, B, C)
- ◆ Palm Spring Kondo 2 PJU 3 (Blok D, E, F)
- ◆ Seksyen 4 Gugusan Semarak Seksyen 4 PJU 5
- ◆ Seksyen 6 PJU 5, Kota Damansara
- ◆ Gugusan Cempaka Seksyen 6 PJU 5, Kota Damansara
- ◆ Gugusan Kantan Seksyen 7 PJU 5 Kota Damansara
- ◆ Taman Sri Subang PJS 10
(Teres E : Jalan PJS 10/24, 10/24A, 10/26, 10/28, 10/30, 10/34)
- ◆ Pangsapuri Kayangan PJS 10
- ◆ Ridzuan Kondo PJS 10
- ◆ Flat Desa Mentari 2 PJS 6 (Blok 4, 5, 6)
- ◆ Apt Damai PJS 8
- ◆ Mentari Court PJS 8
- ◆ Kompleks Kediaman Kastam SS 6
- ◆ Apt Medan Cahaya PJS 2C (Blok A-H)
- ◆ Taman Medan PJS 2D (Teres B : Jalan PJS 2D/2, 4, 5 - 12, 14)
- ◆ Taman Indah Jaya PJS 4
(Teres C : Jalan PJS 4/40, 10, 14, 14A-D, 12, 15, 17, 23)

PROGRAM SEDAR

Sejak tahun 2014, sebanyak 238 pasukan SEDAR telah ditubuhkan sehingga kini. Pada tahun 2019, sebanyak 8 pasukan SEDAR Komuniti, 4 SEDAR masjid dan 7 SEDAR sekolah telah dijalankan sehingga minggu epid 10/2019.



KAWASAN WABAK DENGGI

MAUT

JAGALAH KEBERSIHAN KAWASAN PERUMAHAN ANDA
KEBERSIHAN TANGGUNGJAWAB SEMUA
Musnahkan Tempat-tempat Pembiakan
Nyamuk Aedes

Bersamalah Dengan MBPJ
Untuk Menghapuskan Nyamuk Aedes



Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran
Tel : 03-7955 2381 / 03-7956 2939





PELAKSANAAN PERMIT SEMENTARA MELETAKKAN BARANG DI KAKI LIMA PREMIS


PETALING JAYA

AHMAD ISKANDAR MOHAMAD MUKHTAR
iskandar.mukhtar@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah meluluskan permit meletakkan barangan di kaki lima berkuatkuasa serta-merta. Dengan pelaksanaan permit sementara ini, pemilik premis yang berlesen boleh meletakkan barang-barang perniagaan di kaki lima iaitu di hadapan kedai berkeluasan sekitar dua (2) kaki. Kelulusan permit sementara meletakkan barangan di kaki lima boleh diberikan dengan syarat-syarat seperti berikut:

- Kadar bayaran adalah RM 90.00 sebulan.
- Kadar cagaran sebanyak RM1,000.00 dan Majlis boleh melucut hak keseluruhan cagaran sekiranya berlaku pelanggaran syarat permit.
- Setelah permohonan diluluskan, satu garisan akan dilekatkan di hadapan premis (kaki lima).
- Jenis jualan adalah barangan kering seperti bunga, surat khabar, kedai barangan logam, barangan elektrik, aksesori kenderaan, kedai *hardware* dan lain-lain barangan yang kering dan bersesuaian.
- Hanya dibenarkan meletakkan barangan jualan berkeluasan sekitar lingkungan 2 kaki di hadapan premis.
- Tidak dibenarkan meletakkan barang-barang seperti tong gas, minyak petrol, bahan kimia dan lain-lain barang yang berbahaya.
- Barangan tidak boleh diletakkan di atas lantai dan mestilah diletakkan di atas rak mudah alih di dalam garisan yang telah diluluskan sahaja.
- Barangan yang diletakkan mestilah kemas dan tersusun.
- Perlu memastikan barangan diletakkan hanya satu baris sahaja supaya tidak mengganggu laluan awam.
- Sentiasa menjaga kebersihan.
- Pemilik premis dikehendaki mengemas dan menyimpan semula barangan jualan ke dalam premis selepas tamat waktu perniagaan.
- Permit ini bersifat sementara dan perlu diperbaharui setelah tamat tempoh yang dibenarkan.
- Tidak menghalang laluan OKU dan laluan awam.
- Permit ini boleh ditarik/tidak diperbaharui sekiranya terdapat keperluan berbuat demikian.
- Majlis tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kecederaan atau kemalangan yang disebabkan oleh barangan yang diletakkan di premis kaki lima.
- Majlis boleh menetapkan syarat-syarat lain yang dirasakan perlu.

Borang permohonan boleh didapati di laman sesawang www.mbpj.gov.my dengan carian Borang Permit Kaki Lima atau mendapatkan borang di kaunter Ibu Pejabat MBPJ, Lobi Menara MBPJ dan Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara MBPJ.



Susunan yang betul dengan meletakkan barang niaga di belakang garis yang ditetapkan.



Susunan yang salah dengan meletakkan barang niaga melebihi garis yang ditetapkan.



Permit ini bersifat sementara dan perlu diperbaharui setelah tamat tempoh yang dibenarkan. Pemilik premis juga dikehendaki mengemas dan menyimpan semula barangan jualan ke dalam premis selepas tamat waktu perniagaan.



PENGURUSAN TENAGA DAN MS1525 PADA BANGUNAN

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

Majlis melalui Jabatan Kawalan Bangunan telah mengadakan satu seminar yang bertajuk Seminar Pengenalan Pengurusan Tenaga dan MS 1525 pada bangunan bersama MBPJ dan *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) Malaysia.

Seminar ini adalah bertujuan untuk mendedahkan dan menyebarkan ilmu kepada warga Majlis tentang kaedah penggunaan tenaga elektrik dan air dengan lebih efektif, efisien dan berhemah. Seminar ini juga merupakan sebahagian daripada beberapa siri seminar dan bengkel berkaitan pengurusan tenaga, mengaplikasikan Piawaian Malaysia atau *Malaysian Standard 1525*, yang akan diteruskan sepanjang tahun 2019.

Satu budaya penyelenggaraan bangunan yang berjadual dan bersistematik juga akan dijadikan budaya penyelenggaraan bangunan Majlis yang akan banyak membantu dalam penjimatan penggunaan tenaga pada bangunan.

Selain daripada punca bekalan elektrik dari pembekal, penggunaan tenaga secara diperbaharui atau *renewable energy* iaitu melalui sistem *fotovolta solar* atau *solar photo voltaic*, akan diimplimentasikan di bangunan-bangunan Majlis. Ia juga akan dijadikan satu "show case" kepada warga kakitangan Majlis serta penduduk Petaling Jaya, bahawa tenaga solar boleh dijadikan pembekalan alternatif selain daripada bekalan elektrik dari bekalan awam.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA ANGKAT MARTABAT WANITA

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

Dalam membangunkan tadbir urus sesebuah organisasi dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, peranan golongan wanita sangat penting. Pembabitan golongan wanita dalam kepimpinan adalah sangat signifikansi dalam mencapai setiap sasaran dan matlamat pembangunan mampan yang memerlukan keterlibatan semua pihak. Sumbangan wanita dari pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial dan politik juga dilihat begitu dominan dewasa ini.

Penyertaan wanita dalam setiap peringkat pada era masa kini semakin membanggakan. Hal ini, jika dilihat setiap lapisan kepimpinan negara, keterlibatan golongan wanita dalam mempelbagaikan dan merencanakan pertumbuhan sektor pembangunan negara dalam menghasilkan suatu keputusan yang positif selain dapat meningkatkan produktiviti amat tinggi.

Peranan wanita dalam pelbagai bidang di sektor awam mahupun swasta juga dilihat mampu untuk menstabilkan dan membentuk persekitaran yang dinamik dan kondusif yang menjadi nilai tambah kepada organisasi yang diwakili.

Menyedari situasi ini, Kerajaan telah merangka pelbagai strategi yang khusus dalam menambah variasi peranan wanita dengan cara yang lebih berkesan dalam proses pembangunan supaya potensi wanita dapat dioptimumkan. Usaha yang gigih perlu diambil bagi membantu wanita untuk terlibat secara aktif dalam kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi yang utama. Ia sekali gus, menterjemahkan segala usaha pembangunan supaya kepentingan dan penyertaan wanita dapat diintegrasikan sumbangan mereka ke arah proses pembangunan negara ke arah negara maju.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak terkecuali mengangkat peranan wanita di setiap peringkat. Bermula di peringkat kepimpinan tertinggi sehinggalah ke kumpulan sokongan, peranan wanita di Majlis menjadi nilai tambah kepada kecemerlangan dan kegemilangan yang ditempa Majlis di peringkat antarabangsa dan nasional. Setiap

8 Mac saban tahun, Majlis tidak terkecuali mengiktiraf Sambutan Hari Wanita. Pengiktirafan ini mencerminkan kesungguhan Majlis untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita di dalam pembangunan secara lebih berkesan, sistematik dan penuh nilai integriti yang tinggi.



TPr. Sharipah Marhaini, Timbalan Setiausaha MBPJ bergambar bersama-sama kakitangan MBPJ, meraikan program Sambutan Hari Wanita.

Bermula di peringkat kepimpinan tertinggi sehinggalah ke kumpulan sokongan, peranan wanita di Majlis menjadi nilai tambah kepada kecemerlangan dan kegemilangan yang ditempa Majlis di peringkat antarabangsa dan nasional.



TURUN PADANG BERSAMA ADN TAMAN MEDAN

SS5A, 1 MAC 2019 – Ahli Majlis Zon 21, En. Mohamad Shakirien Dato' Abd Razak telah menyertai aktiviti turun padang bersama-sama ADN Taman Medan, YB Tuan Syamsul Firdaus Mohamed Supri ke pasar malam FAM. Tujuan program ini adalah untuk mendengar permasalahan penduduk secara langsung serta beramah mesra dengan masyarakat dalam Zon 21.



SAMBUTAN TAHUN BARU CINA ZON 19

TAMAN AMAN, 2 MAC 2019 - Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 19 dengan kerjasama Pejabat DUN Kg. Tunku, YB Cik Lim Yi Wei telah mengadakan program Sambutan Tahun Baru Cina yang berlangsung di gelanggang bola keranjang Taman Aman. Sambutan diserikan dengan nyanyian, tarian singa dan persembahan harmonika.



LAWATAN KE PASAR MALAM SS8 SG. WAY

SG. WAY, 5 MAC 2019 - Ahli Majlis Zon 23, En. Zamri Mohamad bersama Jawatankuasa Persatuan Pasar Malam Harmoni SS8 Sg. Way telah mengadakan lawatan ke pasar malam SS8 untuk meninjau perjalanan perniagaan dan berkenalan dengan peniaga di sana.



PENGHARGAAN AJK PKPPPP

PETALING PERDANA, 9 MAC 2019 - Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik telah menyampaikan sijil penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Persatuan Kebajikan Penduduk Pangsapuri Petaling Perdana (PKPPPP) yang berlangsung semasa mesyuarat agong dwi tahunan persatuan tersebut.



RAMAH MESRA BERSAMA MPP ZON 23

SS9, 9 MAC 2019 - Bertempat di Dewan Pusat Khidmat Ahli Majlis Zon 23 telah berlangsung program ramah mesra bersama MPP Zon 23. Ia untuk mengeratkan hubungan dalam kalangan ahli MPP setelah beliau dilantik sebagai pengerusi MPP dan juga Ahli Majlis zon berkenaan.



MESYUARAT AGUNG PERSATUAN PENDUDUK PJS 1 & PJS 3

PJS 1/43, 10 MAC 2019 - Ahli Dewan Negeri Taman Medan, YB Tuan Syamsul Firdaus Mohamed Supri telah merasmikan mesyuarat agong tahunan Persatuan Penduduk PJS1 & PJS3 yang diadakan di bilik operasi persatuan tersebut di Jalan PJS1/43.



PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA SEDAR

SEKSYEN 3, 10 MAC 2019 – Seramai 60 penduduk telah menyertai gotong-royong perdana SEDAR Zon 15 bagi melaksanakan tanggungjawab bersama membasmi wabak demam denggi. Turut menyertai program ini ADN Taman Medan, YB Tuan Syamsul Firdaus Mohamed Supri dan Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon.



MEMPERKASA MPP ZON 17 DAN 15

MELAKA, 16 & 17 MAC 2019 – MPP Zon 17 dan 15 telah menghadiri Kursus Memperkasa dan Memberdaya Kepimpinan MPP Zon 17 dan Zon 15 yang diadakan di The Straits Hotel & Suites, Bandar Melaka. Kursus telah dirasmikan Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik dan turut dihadiri Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon.



PJ ECO MURAL



PETALING JAYA

HASBULLAH JUHAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Mural 3D bersaiz 28 kaki lebar dan 8 kaki tinggi yang memaparkan imej mercu tanda Petaling Jaya iaitu Pintu Gerbang Kota Darul Ehsan, Menara MBPJ dan Menara Celcom.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengadakan Majlis Penyempurnaan *PJ Eco Mural* di Pusat *PJ Eco Recycling Plaza*, di Jalan SS 8/39 Petaling Jaya. Tujuan penghasilan *PJ Eco Mural* ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan penggunaan semula sisa atau *reuse* yang merupakan salah satu aspek dalam konsep 3R.

Projek ini bertujuan untuk mempromosikan seni daripada bahan buangan plastik yang selaras dengan penubuhan *PJ Eco Recycling Plaza* yang merupakan pusat aktiviti 3R dan *upcycling* di Petaling Jaya. Projek *PJ Eco Mural* ini telah dijalankan dengan kerjasama antara MBPJ dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) serta melibatkan 120 orang sukarelawan yang terdiri daripada penduduk Petaling Jaya, Duta PJ Bersih, badan bukan kerajaan (NGO), pelajar sekolah serta kakitangan MBPJ.

PJ Eco Mural adalah merupakan satu mural 3D bersaiz 28 kaki lebar dan 8 kaki tinggi yang memaparkan imej mercu tanda Petaling Jaya iaitu Pintu Gerbang Kota Darul Ehsan, Menara MBPJ dan Menara Celcom yang telah berjaya dihasilkan dalam tempoh 3 hari bermula 22 Mac hingga 24 Mac 2019.



Kerja-kerja penghasilan *PJ Eco Mural* ini telah diketuai oleh pensyarah Fakulti Seni, Komputeran Dan Industri Kreatif UPSI, Profesor Dr. Mohd Fauzi Sedon bersama lapan tenaga pengajar dari UPSI.

Mural 3D ini telah dihasilkan daripada 20,160 buah penutup botol plastik pelbagai warna dan saiz serta telah dicat semula dengan 64 tona warna. Semua penutup botol ini telah dikutip dan dikumpulkan melalui program pengasingan sampah dengan kerjasama syarikat KPT Sdn. Bhd. dan juga hasil sumbangan kakitangan MBPJ sendiri.

Kerja-kerja penghasilan *PJ Eco Mural* ini telah diketuai oleh pensyarah Fakulti Seni, Komputeran Dan Industri Kreatif UPSI, Profesor Dr. Mohd Fauzi Sedon bersama lapan tenaga pengajar dari UPSI. MBPJ sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada pelbagai pihak bagi meningkatkan kesedaran masyarakat Petaling Jaya berkaitan 3R pada masa akan datang melalui projek-projek seperti ini.

MBPJ juga turut mempelawa penyertaan daripada syarikat-syarikat, badan bukan kerajaan sebagai rakan kongsi di dalam *PJ Eco Recycling Plaza*. Sebarang maklumat lanjut berhubung perkara ini boleh menghubungi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ di talian 03-7954 1440.

Majlis penyempurnaan *PJ Eco Mural* telah dirasmikan oleh Datuk Bandar, YBhg. Dato' Mohd Azizi Mohd Zain. Turut hadir Timbalan Datuk Bandar, Tuan Johary bin Anuar, Ahli Majlis MBPJ dan para pegawai.



TPr. Sharipah Marhaini, Timbalan Setiausaha MBPJ sedang membantu mewarnakan penutup botol untuk dijadikan mural.



BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat
KUALITI KEUTAMAAN KAMI



www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pjcitycouncil | pjkitajaya | smartpj

BIL. 3/2019 • 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 • 03-7958 2695 • media@mbpj.gov.my **PERCUMA**

Golden Voice of PJ

PETALING JAYA | MOHAMAD SHAH BADLISHAH
mohammadshah@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan pertandingan nyanyian *Golden Voice of PJ* (GVOP) 2019 bertempat di Auditorium, Dewan Sivik pada 30 Mac 2019 yang lalu. Pertandingan peringkat akhir ini menyaksikan 10 orang peserta merebut gelaran juara untuk dua kategori iaitu kategori junior dan kategori senior.

Menerusi pertandingan ini, MBPJ telah menawarkan RM 10,400.00 sebagai hadiah wang tunai keseluruhan dimana peserta yang dinobatkan sebagai juara akan membawa pulang hadiah berjumlah RM 3,000.00 bagi setiap kategori. Manakala naib juara RM1,500 bagi setiap kategori, persembahan terbaik RM 500.00 setiap kategori dan saguhati RM 200.00 bagi setiap kategori.

Juri pertandingan ini adalah Datuk Ramli MS, Datuk Khadijah Ibrahim dan Bob Yusof (AF 2). Berikut adalah peserta dan pemenang bagi setiap kategori:



Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk mencungkil dan melahirkan bakat-bakat baru dalam bidang seni suara. Selain itu, mewujudkan program interaktif kepada masyarakat supaya sentiasa prihatin dan peka kepada persekitaran serta melibatkan diri dalam program Majlis.

Menerusi GVOPJ 2019 ini masyarakat dapat berhibur selain dapat mengeratkan hubungan sesama masyarakat selain menyumbang ke arah meningkatkan kefahaman mutu nyanyian selain menjadi alternatif kepada remaja melibatkan diri dalam bidang seni suara.

Terdahulu, pertandingan GVOPJ 2019 bermula pada 23 dan 24 Februari 2019 (peringkat saringan pertama) dan 2 dan 3 Mac 2019 (peringkat saringan kedua). Seramai 186 peserta telah menyertai peringkat saringan pertama dan 40 peserta terpilih ke peringkat saringan kedua untuk kedua-dua kategori.

Turut hadir menyaksikan pertandingan GVOPJ 2019 Datuk Bandar MBPJ, YBhg. Dato' Mohd Azizi bin Mohd Zain dan Timbalan Datuk Bandar MBPJ, Tuan Johary bin Anuar. Seramai tiga artis tempatan membuat persembahan penampilan istimewa antaranya Tomok, Azharina Azhar, dan Fredo (Flybaits).

PESERTA & PEMENANG BAGI SETIAP KATEGORI

GOLDEN VOICE OF PJ

KATEGORI JUNIOR (16 HINGGA 25 TAHUN)

NUR IDAYU NAZIRA BINTI MOHD AZHAR JUARA

NUR HAZIKAH BINTI HANAFAI NAIB JUARA, PERSEMBAHAN TERBAIK

KHAIRUL AMIRIN BIN HISHAMUDDIN SAGUHATI

KESHNEE SURENDRAN SAGUHATI

EMA FAZUANA BINTI MEHAT SAGUHATI

KATEGORI SENIOR (26 TAHUN KE ATAS)

NOOR ELYAZRIL BIN ELES JUARA

ROSIAH BINTI BAHARUDDIN NAIB JUARA

BILAL BIN HJ. ZAKARIA PERSEMBAHAN TERBAIK, SAGUHATI

NOORFAZLI BIN ELES SAGUHATI

HARIS BIN HASSAN SAGUHATI